

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)1

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

1. Soft power Seberang Perai.
 - (a) Terangkan pencapaian Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai sejarah, kebudayaan dan soft power.
 - (b) Nyatakan inisiatif khusus yang dilaksanakan bersama Think City dan komuniti tempatan.
 - (c) Bagaimana Pulau Pinang memanfaatkan tokoh sejarah, komuniti seni, diaspora dan Institusi Pegajian Tinggi sebagai duta budaya negeri?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *Penang Global Tourism* (PGT), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri (PJWN) telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap sejarah, kebudayaan dan kekuatan *soft power* negeri dengan

kolaborasi dengan *Think City*, institut- institut pengajian awam dan pelbagai agensi.

Antara inisiatif utama termasuk penerbitan bahan promosi baharu oleh *Think City* dengan kolaborasi dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dilancarkan seperti buku Sejarah dan Warisan Haji di Seberang Perai, panduan pelancongan Guar Kepah, Peta Budaya Permatang Tinggi serta risalah pelancongan bagi daerah Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan. Tujuh video promosi bertajuk *Small Towns of Seberang Perai* hasil inisiatif *Think City* yang memperkenalkan sejarah, komuniti dan identiti budaya tempatan di peringkat antarabangsa turut diterbitkan.

- (b) MBSP terus memperkukuh kerjasama strategik bersama *Think City* dan komuniti tempatan dalam usaha menaik taraf imej bandar Seberang Perai melalui pendekatan *placemaking* serta pembangunan berasaskan komuniti, bagi memperindah bandar, memperkaya ruang awam dan meningkatkan kualiti hidup penduduk.

Antara projek utama termasuk Program Geran Pekan Seberang Perai (2024–2025) yang menyokong pembangunan sosioekonomi serta menghidupkan semula bandar kecil di Seberang Perai. Salah satu contoh kejayaan *placemaking* ialah Projek *Butterworth Art Walk*, iaitu usaha untuk menghidupkan lorong lama dengan elemen seni awam seperti mural, arca dan pemasangan kreatif yang menonjolkan sejarah serta identiti masyarakat Seberang Perai.

Selain itu, Projek Naik Taraf Taman Pantai turut dilaksanakan bagi memperindah kawasan rekreasi awam dengan elemen seni landskap, laluan pejalan kaki, ruang komuniti dan pencahayaan yang berfungsi sebagai pusat interaksi sosial dan tarikan pelancongan komuniti. MBSP juga melaksanakan Projek Papan Informasi Burung Hijrah di Sungai Tembus (*Bird Flyway Project*) dengan kerjasama Persatuan Nelayan Sungai Tembus untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepelbagaian spesies burung migrasi serta menyokong pelancongan berasaskan alam semula jadi.

Selain itu, Hab Komuniti Bersepadu Presint Lebuh Kampung Benggali yang menempatkan Perpustakaan Digital Butterworth (BDL), Pocket Park dan kolam renang awam turut diwujudkan sebagai ruang sosial masyarakat. Melalui Seberang Perai Small Town Grants Programme, penduduk tempatan turut diberi peluang melaksanakan projek pelancongan komuniti berasaskan warisan dan budaya bagi memperkasa ekonomi setempat.

- (c) Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan pihak universiti dalam perkara berkenaan.

Kerjasama dengan USM menghasilkan kajian Sejarah dan Warisan Haji di Seberang Perai; UPSI dan USM turut terlibat dalam Bird Flyway Project di Sungai Tembus; manakala UPM melaksanakan Fun Map Seberang Perai – Eko dan Warisan yang memperkenalkan tapak sejarah dan ekopelancongan secara interaktif. Hasil penyelidikan seperti buku Sejarah Seberang Perai turut dijadikan bahan rujukan di MBSP dan UiTM.

Dalam masa yang sama, komuniti seni tempatan memainkan peranan sebagai duta budaya Pulau Pinang melalui penyertaan aktif dalam festival seni dan kebudayaan seperti Butterworth Fringe Festival (BFF), Nibong Tebal Festival serta Pesta Penang2030 dan Hari Warisan Seberang Perai.